

BR1M pelengkap bantuan kewangan

PUTRAJAYA 31 Dis. - Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) merupakan pelengkap kepada bantuan kewangan yang diberikan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk golongan sasarannya.

Menterinya, Datuk Seri Rohani Abdul Karim berkata, bantuan kewangan yang diberikan oleh kementerian sesungguhnya tidak mencukupi untuk menampung keperluan asas kumpulan sasar yang rata-rata mempunyai pendapatan isi rumah di bawah paras garis kemiskinan (PGK).

Sehubungan itu, kata beliau, pemberian BR1M oleh kerajaan adalah sebagai imbuhan tambahan terutamanya kepada kumpulan sasar kementerian dalam membantu meringankan bebanan hidup serta menampung kos sara hidup seharian.

"Bantuan BR1M mungkin dilihat remeh kepada sesetengah pihak tetapi yang pastinya ia amat bermakna bagi



ROHANI ABDUL KARIM

mereka yang hidup dalam keadaan serba kekurangan.

"Tuduhan yang mengatakan bahawa BR1M suatu unsur rasuah kepada rakyat juga tidak berasas kerana penerima BR1M adalah berdasarkan permohonan yang terbuka kepada semua rakyat Malaysia mengikut kriteria ditetapkan," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.